

HALAMAN KAUM IBU

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

HASUTAN SYAITAN YANG TIDAK BERKESAN

Pengorbanan yang besar diberi oleh Siti Hajar ialah keputihan hatinya membenarkan suaminya membawa anaknya Ismail itu dijadikan korban kerana mengikut perintah Allah. Ketabahan hati yang demikian itu payah benar akan didapati adanya di dalam lingkungan kaum Muslimin atau pun lainnya. Payah benar seorang ibu berputih hati sedemikian rupa menyerahkan barang yang dikasihinya kerana menunaikan perintah Allah yang Maha Besar iaitu memberi pengorbanan semata-mata untuk Allah. Kebanyakan daripada kita jangankan sampai begitu sekali sedangkan anak kena jentik sedikit telah meraung dan meratap – yang demikian tidak lain ialah oleh kerana iman dan keyakinan kita serta tauhid kita kepada Allah Subhanahu wa Taala tidak penuh dan tidak meliputi.

YAKIN DAN SABAR

(oleh Ummu Mohsin)

Tentang penyembelihan ke atas Nabi Ismail anak kepada

Siti Hajar dan tebusannya dengan kambing itu ahli-ahli tawarikh ada berselisih faham. Adakah kejadian itu berlaku sesudah dizahirkan Ishak ataupun sebelumnya dan adakah kejadian itu di Palestin ataupun di Hijaz.

Ahli-ahli tawarikh bangsa Yahudi mengatakan bahawa penyembelihan itu dilakukan adalah atas diri Ishak, bukannya atas diri Ismail. Menurut pandangan al-Ustaz Abdul Wahab al-Najar di dalam kitabnya yang bernama Kisah Al-Anbiya' bahawa penyembelihan itu dilakukan ke atas diri Ismail. Kenyataan ini termaktub dalam Taurat sendiri bahawa penyembelihan itu terjadi atas anak Nabi Ibrahim yang tunggal sedang Nabi Ismail itu menjadi anak yang tunggal kepada Nabi Ibrahim sehingga zahirnya Nabi Ishak. Setelah si Sarah menzahirkan Ishak, Ismail itu tidak lagi dinamakan anak yang tunggal kerana Ishak sudah ada.

Kalau riwayat di atas diterima maka kejadian sudah tentu berlaku di Palestin – bukan di Hijaz. Kalau Ishak yang menjadi korban sudah tentu kejadian itu

di Palestin sebab ia tinggal bersama-sama dengan ibunya Siti

Sarah di Palestin – ia tidak pergi atau pindah ke Hijaz.

Adapun yang mengatakan penyembelihan itu terjadi di Mina maka yang menjadi korban tidak lain dan tidak bukan ialah Ismail.

Oleh kerana Quran tidak menetapkan siapa yang menjadi korban itu maka ahli-ahli tawarikh yang menjadi berselisihan faham tetapi yang terbanyak daripada kaum Muslimin mengatakan bahawa terkorban itu berlaku di atas diri Ismail bukannya Ishak.

Pada suatu ketika Nabi Ibrahim bermimpi dan di dalam mimpinya itu telah diperintahkan Allah supata mengorbankan anaknya dengan sembelihannya. Perkara ini dengan ringkas telah diterangkan oleh Al-Quran maksudnya begini – “tatkala ia pandai berusaha bersamanya maka berkatalah (Ibrahim) : Hai anakku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihnya oleh itu bagaimanakah fikiranmu. Anak menjawab : Hai ayahku! Kerjakanlah apa yang telah diperintahkan ke atas ayah – ayah akan mendapati aku insya-Allah – daripada orang-orang yang sabar. Tatkala keduanya telah menyerahkan diri dan ia rebahkan dia (kami halangi)

dan kami seru ia : “Hai Ibrahim sesungguhnya telah engkau tunaikan mimpi itu. Sesungguhnya begitulah kami balas orang yang berbuat baik ini ialah ujian yang nyata dan kami tebus ia dengan sembelihan yang besar.” – Al-Quran surah as-Saffat ayat 102-107.

Ada sesuatu kejadian mustahak diterangkan di sini kerana ada pertaliannya dengan ibu dan anak itu. Tatkala Nabi Ibrahim menerima perintah Tuhan dalam mimpinya yang menyuruh supaya menyembelih anaknya sebagai korban yang mana adalah suatu ujian besar kepadanya bagi mengukur imannya:

“Ambillah timbang dan pisau itu – marilah ikut akan daku mencari kayu untuk ibumu ke gunung ini. Anak yang taat itu terus mengikut dan menurut kehendak ayahnya.

Sementara itu syaitan yang sentiasa berhati dengki terhadap kepada perbuatan yang baik terutamanya atas amalan-amalan yang banyak balasannya itu seperti korban sudah tentu ia akan berusaha bersungguh-sungguh bagi menghalangi segala daya upaya itu. Dengan lekas ia menyamar lalu ia mendatangi kepada ibu anak itu langsung berkata kepadanya: “Tahukah engkau hendak dibawa kemanakah anak engkau itu oleh Ibrahim?” Ibu yang sabar itu menjawab :

“Ia dibawa oleh ayahnya untuk mencari kayu di hutan!”

Mendengar jawapan itu syaitan berkata lagi :

“Demi Allah! Bukan kerana mencari kayu itu ia membawa anaknya tetapi ialah kerana hendak menyembelihnya.” Ibu anak itu menjawab dengan tenang : “Yang demikian tidak sekali-kali kerana ia seorang yang sangat kasih dan sayang kepada anaknya masakan ia tergamak hendak menyembelih anak yang dikasihi dan dicintainya itu.”

Syaitan berkata lagi : “Ayahnya menyangka bahawa Tuhan telah memerintahkannya untuk menyembelih anaknya itu!” Ibu yang sabar dan tulus itu menjawab dengan tenang : “Jika sebenarnya Tuhan memerintahkan ia berbuat begitu maka sepatutnyalah ia mesti menurut perintah Tuhan!”

Oleh kerana tidak ada jalan lain lagi bagi menghasut dan memperdayakan ibu yang tulus itu maka syaitan itupun pulanglah dengan hampa tangannya. Ia menghasut

pula ayah anak itu tetapi semua jawapan mereka sama seperti jawapan ibu itu tadi.

Nabi Ibrahim telah merebahkan anaknya untuk disembelih dan anak yang taat itu telah menyerahkan diri menerima perintah Allah dengan sepenuh-penuhnya sekalipun jiwanya akan tewas sedang ayahnya pula telah redha mengorbankan anaknya kerana menjalankan perintah-perintah Tuhannya. Oleh kerana anak dan bapa itu sebenar-benarnya hendak menunaikan perintah Allah maka sebagai balasan yang nyata Allah telah menggantikan anak itu dengan seekor kambing yang lalu diperintahkan untuk menyembelihnya.

Di dalam gambaran kejadian ini dapatlah kita memahami bagaimana keteguhan hati seorang ibu untuk memberi pengorbanan menunaikan perintah Allah. Ia tidak dapat diperdayakan oleh syaitan walaupun dikhabarkan kepadanya kejadian-kejadian yang ngeri dan mendirikan bulu roma tetapi namun yang demikian itu tidak menggerakkan hatinya dan mengurangkan kepercayaannya kepada Allah Subhanahu wa Taala sehingga syaitan tidak dapat mengganggu.

Kejadian yang seperti ini jatang boleh tersua kepada kaum ibu lebih-lebih lagi kaum-kaum ibu yang imannya hanya setengah iman sahaja kepada Tuhannya. Biasanya hati perempuan itu lemah tak tahan ujian serta tak boleh mendengar berita yang ngeri terutama berita-berita yang menggambarkan bahaya yang akan menerima anaknya yang dengan berita itu ia terus gelisah, tidak sedarkan diri dan terkadang-kadang ada yang membawa kepada ajalnya. Di dalam kejadian itu ditunjukkan contoh tauhid dan yakin yang tidak berganjak atas kebesaran Allah dan bersyukur ke atas tiap-tiap sesuatu yang datang daripada-Nya walaupun kesusahan atau penderitaan yang berat menyimpannya. Sepatutnya kita tidak mudah mendengar hasutan orang dan tidak lekas menerima khabar atau berita daripada orang oleh kerana tabiat itu akan membuat kerosakkan dan kebinasaan.

Di dalam kejadian yang saya bentangkan di dalam tawarikh Siti Hajar dan Siti Sarah ini adalah terjadi Beberapa kejadian yang menjadi pertunjuk di dalam jalan

AGAMA ITU NASIHAT

DIDIKAN AKHLAK (2)

Bagi menjelaskan akhlak itu sebagai matlamat untuk mengetahui atau mengukur umat dalam kerendahan dan kemuliaan maka di sini mustahak rasanya diterangkan tingkatan masyarakat hidup manusia di dunia ini. Jika masyarakat hidup manusia itu kita bahagi maka akan kita dapati tiga tingkatan besar :

1. Masyarakat rendah
2. Masyarakat pertengahan, dan
3. Masyarakat suci

Yang dituju dengan masyarakat rendah itu ialah golongan manusia yang memandang kemuliaan itu ialah keberatan dan kekuatan badan, dalam masyarakat ini orang yang berani dan kuat intulah sahaja yang ditakuti dan disegani bahkan ialah yang dijalankan ketua atau raja. Ketika

hidup kita menempuh keutamaan budi pekerti yang tiap-tiap seorang daripada hendaklah meneladani. Kita mesti melihat ujian-ujian yang datang itu dengan menerima dengan tenang, sabar dan percaya serta yakin bahawa ujian itu datangnya adalah semata-mata untuk mengukur yakinkah kita kepada kekuasaan Allah Subhanahu wa Taala atau tidak. Berimankah kita kepada-Nya atau adakah kita hanya berkeyakinan setengah-setengah sahaja mempercayai bahawa kita hidup sebagai orang yang tidak tahan uji lalu mengutuk nasib dan diri sendiri.

Sepatutnya dalam ujian yang demikian ini kita mesti sabar, tidak putus berikhtiar sambil bekerja untuk menetapkan keyakinan kita bahawa Allah itu sangat Pengasih dan Penyayang dan sangat-sangat menimbang rasa kepada hamba-hamba-Nya yang percaya kepada-Nya adanya.

manusia ada di dalam masyarakat ini tidak ada yang dituntut dan dipelajari selain daripada ilmu kekuatan badan seperti ilmu tahan senjata. Boleh menghilangkan diri; silat dan pencak ialah ilmu yang sangat digemari oleh mereka sehingga menjadikan satu bahagian pelajaran yang mustahak di dalam lingkungan mereka. Belum dipandang menjadi guru dan mulia oleh mereka sekiranya mereka belum memiliki ilmu-ilmu itu. Ilmu pengetahuan, terutamanya akhlak belum lagi mereka ketahui kerana belum ada yang menyampaikan kepada mereka.

Peraturan dan undang-undang yang dijalankan hanyalah setuju dengan kehendak orang yang kuat dan berani sahaja sekalipun yang demikian akan dirasai sakit dan berat dijalankan oleh orang yang lemah. Mereka tidak mempunyai timbang rasa, kerana ilmu pengetahuan dan akhlak tidak ada kepada mereka pada hal kedua-duanya itu adalah menjadi alat bagi penimbang dan pengukur perasaan.

Masyarakat rendah ini masih didapati di tempat-tempat yang belum dimasuki pengetahuan dan akhlak. Tidak salah kalau orang katakan bahawa masyarakat rendah ini belum berupa jauh bezanya dengan masyarakat haiwan; kerana masyarakat haiwan itu sifatnya : yang besar makan kecil, yang kuat mengagahi yang lemah dan yang buas mengganas yang daif.

Dengan ini teranglah bahawa memandang keberanian dan kekuatan pokok kemuliaan itu adalah pandangan yang belum sah diterima oleh perasaan keinsanan.

Yang kedua itu masyarakat pertengahan. Masyarakat ini mengukur kemuliaan itu dengan ilmu pengetahuan. Barang siapa lebih banyak ilmu pengetahuannya ialah yang disegani, ditakuti dan dihormati bahkan ialah yang akan dipilih bagi menjadi raja atau ketua. Masyarakat ini lebih tinggi daripada masyarakat pertama kerana dengan ilmu pengetahuan dapatlah ia menolak orang yang berani dan kuat. Jadi ilmu pengetahuan itu lebih tinggi daripada keberanian dan kekuatan. Bagi menunjukkan benarnya huraian ini cubalah perhati dan periksa keadaan di tempat yang belum dimasuki oleh